



Maybank
Islamic



Maybank

Insurance/Takaful Festive Cashback Campaign 2025 - Terma dan Syarat

Insurance/Takaful Festive Cashback Campaign 2025 (“**Kempen**”) ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (200701029411) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Maybank**”), dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 1D di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

1. Kelayakan

- A. Kempen ini terbuka kepada individu yang memohon Insurans/Takaful Kereta, Motosikal atau TripCare 360 buat kali pertama melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u (“**Transaksi yang Layak**”).
- B. Kempen ini terbuka kepada individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan dokumen pengenalan diri yang sah.
- C. Pekerja semasa Maybank dan kumpulan syarikatnya TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini.
- D. Semua pelanggan individu yang telah memenuhi kriteria di atas yang dinyatakan dalam Fasal 1A dan 1B, dan telah menjalankan Transaksi Layak yang berjaya selepas ini akan dirujuk sebagai “**Pelanggan yang Layak**”. Pelanggan yang Layak akan layak secara automatik untuk menyertai Kempen ini.

2. Mekanik Kempen

- A. Kempen ini akan diadakan daripada 15 Januari 2025 pada 12:00:00 PAGI (MYT) hingga 14 April 2025 pada 11:59:59 MALAM (MYT) [termasuk kedua-dua tarikh] (“**Tempoh Kempen**”).
- B. **Tempoh Kempen** akan dibahagikan kepada tiga (3) fasa (“**Fasa Kempen**”):
 - i. Fasa 1: 15 Januari 2025 – 14 Februari 2025
 - ii. Fasa 2: 15 Februari 2025 – 14 Mac 2025
 - iii. Fasa 3: 15 Mac 2025 – 14 April 2025
- C. Kempen ini hanya sah untuk transaksi yang dibuat melalui aplikasi MAE dan laman web Maybank2u. Sebarang transaksi yang dibuat di luar aplikasi MAE dan laman web Maybank2u tidak akan disertakan atau dipertimbangkan untuk Kempen ini. Kempen ini sah untuk akaun Maybank yang didaftarkan di Malaysia sahaja.
- D. Mekanik Kempen dinyatakan dalam **Jadual 1**.



Insurance/Takaful Festive Cashback Campaign 2025 - Terma dan Syarat

Jadual 1: Mekanik Kempen

Transaksi yang Layak	Kuantiti Pulangan Tunai
<p>Pelanggan yang Layak yang memohon Insurans/Takaful Kereta, Motosikal atau TripCare 360 buat kali pertama melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u.</p>	<p>Insurans/Takaful Kereta 300 pemohon pertama kali pertama untuk setiap Fasa Kempen akan mendapat pulangan tunai RM30 yang dikreditkan ke dalam akaun mereka.</p> <ul style="list-style-type: none">• Fasa 1: 300 pemenang• Fasa 2: 300 pemenang• Fasa 3: 300 pemenang <p>Insurans/Takaful Motosikal 300 pemohon pertama kali pertama untuk setiap Fasa Kempen akan mendapat pulangan tunai RM30 yang dikreditkan ke dalam akaun mereka.</p> <ul style="list-style-type: none">• Fasa 1: 300 pemenang• Fasa 2: 300 pemenang• Fasa 3: 300 pemenang <p>Insurans/Takaful TripCare 360 300 pemohon pertama kali pertama untuk setiap Fasa Kempen akan mendapat sehingga RM30 pulangan tunai yang dikreditkan ke dalam akaun mereka.</p> <ul style="list-style-type: none">• Fasa 1: 300 pemenang• Fasa 2: 300 pemenang• Fasa 3: 300 pemenang <p>Seramai 2,700 pemenang akan dipilih sepanjang Tempoh Kempen. Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak menerima maksimum satu (1) pulangan tunai sepanjang Tempoh Kempen, tanpa mengira jenis insurans/takaful yang dibeli atau fasa yang disertai. Ini terpakai walaupun Pelanggan yang Layak membeli beberapa insurans/takaful dalam lebih daripada satu fasa.</p> <p>Pemenang Kempen ini tidak layak untuk menyertai kempen lain yang dianjurkan oleh Maybank dan/atau Etiqa yang berkaitan dengan produk Insurans Am atau Takaful Am yang dianjurkan oleh Maybank dan/atau Etiqa.</p>



Insurance/Takaful Festive Cashback Campaign 2025 - Terma dan Syarat

E. Contoh / senario kelayakan pulangan tunai dinyatakan dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: Senario

Senario	Kelayakan untuk Menerima Pulangan Tunai RM30
Pelanggan memohon satu (1) pelan Insurans/Takaful Kereta melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u buat kali pertama. Pelanggan yang Layak merupakan pelanggan ke-200 yang membuat pembelian.	Pelanggan layak menerima pulangan tunai RM30.
Pelanggan memohon satu (1) pelan Insurans/Takaful Motosikal melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u buat kali pertama. Pelanggan yang Layak merupakan pelanggan ke-800 yang membuat pembelian.	Pelanggan tidak layak menerima pulangan tunai RM30 kerana pelanggan tersebut bukan antara 300 pelanggan pertama.
Pelanggan memohon satu (1) pelan Insurans/Takaful TripCare 360 melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u dan telah memohon pelan Insurans/Takaful TripCare 360 tiga bulan yang lepas. Pelanggan yang Layak merupakan pelanggan ke-200 yang membuat pembelian.	Pelanggan tidak layak menerima pulangan tunai RM30 kerana pelanggan tersebut bukan pemohon kali pertama untuk Insurans/Takaful TripCare 360.
Pelanggan membuat satu (1) pembelian Insurans/Takaful TripCare 360 melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u dengan jumlah premium/caruman RM15. Pelanggan yang Layak merupakan pelanggan ke-200 yang membuat pembelian.	Pelanggan layak menerima pulangan tunai RM15 kerana premium/caruman pelanggan tersebut adalah RM15.
Pelanggan membuat satu (1) pembelian pelan Insurans/Takaful TripCare 360 melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u dengan jumlah premium/caruman sebanyak RM45. Pelanggan yang Layak merupakan pelanggan ke-200 yang membuat pembelian.	Pelanggan layak menerima pulangan tunai RM30 kerana had maksimum pulangan tunai adalah RM30.
Pelanggan memohon satu (1) pelan Insurans/Takaful TripCare 360 melalui laman web Etiqa. Pelanggan yang Layak merupakan pelanggan ke-200 yang membuat pembelian.	Pelanggan tidak layak menerima pulangan tunai RM30 kerana permohonan tersebut tidak dibuat melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u.
Pelanggan memohon satu (1) pelan Insurans/Takaful Kereta dan satu (1) pelan Insurans/Takaful Motosikal, kedua-duanya melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u buat kali pertama. Pelanggan yang Layak merupakan pelanggan ke-200 yang membuat pembelian pelan Insurans/Takaful Kereta dalam Fasa 1 dan pelanggan ke-200 yang membuat pembelian pelan Insurans/Takaful Motosikal dalam Fasa 2.	Pelanggan hanya layak menerima pulangan tunai RM30 untuk Insurans/Takaful Kereta dan bukannya untuk Insurans/Takaful Motosikal kerana pelanggan hanya boleh menerima maksimum satu (1) pulangan tunai sepanjang Tempoh Kempen.
Pelanggan memperbaharui satu (1) pelan Insurans/Takaful Motosikal sedia ada dan memohon satu (1) pelan Insurans/Takaful	Pelanggan hanya layak menerima pulangan tunai sehingga RM30 untuk Insurans/Takaful TripCare 360 dan bukannya untuk Insurans/Takaful Motosikal



Insurance/Takaful Festive Cashback Campaign 2025 - Terma dan Syarat

TripCare 360 buat kali pertama, kedua-duanya melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u. Pelanggan yang Layak merupakan pelanggan ke-200 yang membuat pembelian pelan Insurans/Takaful Motosikal dalam Fasa 1 dan pelanggan ke-200 yang membuat pembelian pelan Insurans/Takaful TripCare 360 dalam Fasa 2.	kerana ia adalah pembaharuan kepada pelan sedia ada.
--	--

3. Pemenuhan Pulangan Tunai

- A. Maybank berhak menggantikan Pulangan Tunai dengan item lain yang mempunyai nilai pasaran yang serupa mengikut budi bicara mereka dengan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan yang Layak melalui notifikasi *push* dari aplikasi MAE dan/atau Emel Langsung Elektronik (EDM) atau mana-mana kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank.
- B. Jika Pulangan Tunai tidak diagihkan sepenuhnya dalam satu Fasa Kempen, pulangan tunai tersebut tidak akan dibawa ke Fasa Kempen seterusnya.
- C. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Semasa/Simpanan berdaftar milik Pemenang. Akaun Pemenang hendaklah tidak dorman atau tidak ditutup pada ketika Pulangan Tunai dikreditkan, jika tidak, Pulangan Tunai akan dilucuthakkan.
- D. Pemenang akan dimaklumkan secara bertulis melalui notifikasi *push* dari aplikasi MAE dan/atau Emel Langsung Elektronik (EDM) atau mana-mana kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank. Pemenang mesti memastikan butiran hubungan mereka sentiasa terkini, jika gagal, Pemenang lain akan dipilih secara automatik tanpa notis awal.
- E. Pemenang mungkin akan dihubungi oleh Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank untuk tujuan pengesahan. Maybank berhak untuk meminta dokumentasi atau bukti pengenalan, umur, dan tempat kediaman mana-mana Pemenang dan Maybank berhak menghubungi Pemenang berkaitan dengan kempen yang berkaitan yang mungkin diadakan pada masa depan.
- F. Nama dan nombor NRIC (4 digit terakhir) semua Pemenang mungkin akan diterbitkan di halaman promosi Kempen di <http://www.maybank2u.com.my> dan/atau mana-mana kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank untuk tujuan ketelusan setelah menerima persetujuan Pemenang.
- G. Maybank akan mengenal pasti Pemenang dan mengkreditkan Pulangan Tunai dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas tamat Tempoh Kempen.
- H. Sekiranya Pemenang gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini, Maybank berhak untuk melucutkan Pulangan Tunai untuk Pemenang tersebut.

4. Terma & Syarat Am

- A. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan berkenaan dengan apa-apa jenis kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam



Maybank
Islamic



Maybank

Insurance/Takaful Festive Cashback Campaign 2025 - Terma dan Syarat

pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz , Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat kegagalan tersebut tidak disebabkan oleh Maybank.

- B. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari ("hari" bermaksud hari kalendar) terlebih dahulu, yang mana notis tersebut akan disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui saluran lain yang dianggap sesuai oleh Maybank. Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan Layak untuk mendapatkan maklumat mengenai notis tersebut atau sebaliknya mencari sebarang notis yang telah diterbitkan dengan sah.
- C. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara berkala untuk melihat terma dan syarat ini dan mencari penjelasan daripada Maybank sekiranya mana-mana terma dan syarat tidak difahami sepenuhnya.
- D. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang terkandung di sini dan bersetuju serta memberikan kebenaran untuk membenarkan data peribadi beliau dikumpulkan, diproses, dan digunakan oleh Maybank mengikut Kenyataan Privasi Maybank, yang boleh dilihat di www.maybank2u.com.my ("**Kenyataan Privasi Maybank**") dan Borang PDPA untuk Pelanggan Individu.

Selain itu, dan tanpa menjejaskan terma dalam Kenyataan Privasi Maybank dan Borang PDPA untuk Pelanggan Individu, Pelanggan Layak bersetuju dan memberi kebenaran untuk data atau maklumat peribadi beliau dikumpulkan, diproses, dan digunakan oleh Maybank untuk:

- i. tujuan Kempen; dan
- ii. aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk media dan bahan pengiklanan atau publisiti dan bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan digital dan di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa had penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual serta jawapan dan gambar berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank berhubung dengan Kempen.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

- E. Maybank dan pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejen-ejen Maybank (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan Layak dalam Kempen ini untuk sebarang kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau akibat (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau reputasi) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh sebarang kecuaiian melampau atau ketinggalan oleh Maybank.
- F. Maybank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan dalam melaksanakan kewajibannya di bawah Kempen ini disebabkan oleh sebarang kejadian luar biasa yang meliputi tetapi tidak terhad kepada, peristiwa alam, keganasan awam, tindakan peperangan, mogok, rusuhan, penutupan kilang, tindakan



Maybank
Islamic



Maybank

Insurance/Takaful Festive Cashback Campaign 2025 - Terma dan Syarat

perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, wabak dan pandemik atau sebarang peristiwa dan keadaan yang berada di luar kawalan munasabah Maybank.

- G. Maybank boleh membatalkan kelayakan atau menolak mana-mana Pelanggan Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan/atau yang didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini, termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berkenaan dengan Kempen ini.
- H. Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan Kempen ini, sila hubungi talian penting Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.